

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 JULAI 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Start preparing for floods, urges Madius	Sunday Star
2.	Virus 'Mampu Milik'	Metro Ahad
3.	52 saintis muda berdaftar	Metro Ahad

Start preparing for floods, urges Madius

By LOSHANA K. SHAGAR
loshana@thestar.com.my

PETALING JAYA: The National Disaster Management Agency is coordinating disaster preparedness and flood mitigation plans for La Nina, which is expected to occur by year-end.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said while most climate models had the same prediction on La Nina, the occurrence could only be confirmed after October.

"In Malaysia, the La Nina will usually lead to increase in rainfall over Sabah and the northern part of Sarawak, especially during the north-east monsoon period.

"As La Nina is usually associated with heavy rains, floods are therefore expected to occur especially in low-lying areas," he told *The Star*.

As the Philippines and Taiwan floundered under the onslaught of Super Typhoon Nepartak, international weather forecasters have predicted a possible deluge in Malaysia in the next few months.

The La Nina is likely to be here at the tail end of the strongest El Nino in 20 years, which brought scorching heat and dry days.

A report by the US National Oceanic Atmospheric Administration Climate Prediction Centre indicates that La Nina will occur with a 75% certainty.

At the moment, Madius said Malaysia was experiencing the south-west monsoon, which is expected to last until mid-September.

During this time, there would be less rain and a likelihood of haze but Madius said that isolated heavy rains and thunderstorms could still occur in the afternoons.

"A pre-dawn heavy rain with thunderstorms and strong winds caused by moving lines of thunderstorms from the sea towards the land (squall lines) can occasionally occur over the coastal areas of Selangor, Negri Sembilan, Malacca, western Johor, west Sabah and Sarawak," he said.

Madius advised the public to avoid low-lying areas prone to flooding and keep updated with the latest weather information.

"MetMalaysia will continuously monitor the latest development of the La Nina, and the latest information on weather will be updated from time to time, and is available at www.met.gov.my, our hotline 1-300-221-638 and the *myCuaca* mobile apps," he said.

Asmah Rusman
asmah_rusman@hmetro.com.my

VIRUS 'MAMPU MILIK'

■ Penyelidik berusaha cipta penawar kanser golongan berpendapatan rendah

Seriang

Kanser atau barah adalah sejenis penyakit berkaitan ketidakseimbangan tindak balas sel dalam badan.

Biasanya, sel akan bertambah mengikut aturannya bagi membolehkan tumbesaran badan dan pemulihan selepas berlakunya kecederaan.

Namun ada kalanya sel ini bertambah secara tidak normal menyebabkan berlakunya ketumbuhan tidak normal atau juga dikenali sebagai tumor.

Mereka yang menghidap kanser memerlukan rawatan khusus dan berkala bagi memastikan sel kanser tidak merebak seterusnya menyerang organ lain.

Sekiranya perkara itu berlaku, pesakit kemungkinan tidak boleh diselamatkan dan boleh mem-

bawa maut.

Malangnya, kaedah rawatan yang perlu dilalui pesakit menelan kos yang sangat tinggi sehingga ada segelintir pesakit tidak mampu bayar terutama golongan berpendapatan rendah dan pertengahan.

Menyadari perkara itu, sekumpulan penyelidik dan pakar dari **Akademi Sains Malaysia** yang diketuai Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff mencari alternatif baru bagi mencipta sejenis virus 'mampu milik'.

Menurut Saintis dan Pakar Genetik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, Dr Abhimanyu Veerakumarasivam juga seorang dari-

pada ahli kumpulan penyelidik itu, virus ciptaan mereka akan menjadi 'penawar' kepada pesakit sehingga mampu membunuh sel kanser sepenuhnya.

"Objektif utama kami adalah menghasilkan ejen pembunuh kanser yang murah selain mampu dimiliki semua lapisan masyarakat di Asia khususnya penduduk Malaysia.

"Pada peringkat ini proses ejen virus itu sedang dihasilkan di makmal Prof Khatijah dan akan diuji pada pelbagai jenis sel kanser bagi mengenal pasti jenis kanser yang paling sensitif dan boleh bertindak balas dengannya," katanya.

Katanya, kajian yang belum pernah dilakukan mana-mana pakar dan penyelidik di dunia itu dijangka

diuji secara klinikal pada pesakit kanser dalam tempoh lima tahun lagi.

Menjelaskan mengenai penyakit kanser, Dr Abhimanyu berkata, faktor genetik dan persekitaran menjadi penyumbang kepada penyakit berkenaan.

"Genetik setiap manusia berbeza-beza dan penyakit ini tidak semestinya diturunkan daripada genetik ibu bapa tetapi juga boleh 'tercipta' daripada gen yang di-

mutasikan.

"Kira-kira 90 peratus penyakit kanser berpunca daripada persekitaran yang menyebabkan genetik termutasi dalam sel DNA sebelum kitaran sel berclaru dan menjadi kanser," katanya.

Baru baru ini, Dr Abhimanyu diumumkan sebagai pemenang pertandingan berprestij komunikasi sains Famelab di Cheltenham, United Kingdom selepas mengalahkan peserta dari-

pada lebih 25 negara.

Beliau berkata, kemenangan itu diharapkan dapat menjadi penyuntik semangat dan menggalakkan lebih banyak saintis dan peminat sains untuk berkomunikasi mengenai sains dengan berkesan kepada umum.

"Ini akan meningkatkan pembabitan selain menimbulkan kesedaran umum yang juga boleh memberi kesan kepada polisi awam," katanya.



Objektif utama kami adalah menghasilkan ejen pembunuh kanser yang murah Dr Abhimanyu

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 46
TARIKH : 10 JULAI 2016 (AHAD)**

52 saintis muda berdaftar

Serdang: Rangkaian Saintis Muda (RSM) di bawah Akademi Sains Malaysia mendasarkan jumlah saintis muda di negara ini meningkat kepada 100 orang dalam tempoh dua tahun akan datang dalam usaha melahirkan pakar yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat global.

Pengerusinya, Dr Abhimanyu Veerakumarasivam berkata, setakat ini seramai 52 orang saintis muda yang berusia 40 tahun ke bawah berdaftar dengan pihaknya dan bergiat aktif dalam program memasyarakatkan sains.

Beliau berkata, selain menjalankan peranan dan tugas sebagai saintis muda, mereka juga 'turun padang' berjumpa dengan kelompok masyarakat di kawasan luar ban-

dar serta pedalaman untuk berkongsi mengenai sains dan teknologi.

"Saintis terlalu taksub membaca dan menghasilkan artikel selain berada selesa dalam dunia mereka tanpa memahami sama ada orang lain faham atau tidak terhadap artikel berkenaan.

"Oleh itu, saintis perlu keluar dari dunia mereka untuk bersama-sama berkongsi dan membudayakan sains dalam masyarakat di negara ini terutamanya golongan belia," katanya.

Katanya, RSM baru-baru ini mengadakan program di Tamparuli, Sabah dan Jerlun, Kedah bersama masyarakat tempatan untuk mengenali sains.